

21 JUN 1998

Mahathir-Menengah

MAHATHIR TIDAK PUAS HATI BILANGAN MELAYU DALAM KELAS MENENGAH

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau belum berpuas hati dengan bilangan orang Melayu dan bumiputera lain dalam kelas menengah.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sangat serius dalam usaha ini kerana kerana kumpulan itu penting untuk masyarakat yang maju.

Katanya kerajaan akan mempergiatkan usaha melahirkan lebih banyak orang Melayu dalam kelas itu menerusi penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan dan sepanjang masa mencari jalan bagi mencapai matlamat itu.

"Kita bekalkan dengan wang dan sebagainya supaya dapat membantu bumiputera meningkat ke kelas menengah.

"Tak cukup dengan wang, kita adakan macam-macam cara termasuk sistem francais, yang memberi banyak peluang kepada orang kita memasuki kelas ini," katanya ketika menggulung perbahasan pada perhimpunan agung UMNO.

Perdana Menteri berkata, beliau sering berbincang dengan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed untuk menambah usaha itu termasuk berbincang dengan usahawan Jepun bagi program francais restoran.

Dr Mahathir berkata, kini definisi mengenai kelas menengah perlu dibuat untuk menentukan siapa yang boleh digolongkan ke dalam kumpulan itu.

"Kita kena tahu kerana ramai daripada orang kita sekarang memiliki bukan RM1 juta, RM2 juta, ratusan juta ringgit, apakah mereka juga boleh ditafsir sebagai kelas menengah?" katanya.

Dr Mahathir turut bertanya sama ada kerajaan perlu menarik turun mereka yang telah melebihi tahap itu supaya mereka kembali berada dalam kelas menengah.

"Apa salahnya kalau ada orang kita yang naik jadi kaya. Saya berbangga kalau orang Melayu naik jadi kaya," katanya.

-- BERNAMA

AFY NMO